

PENGWUJUDAN LEMBAGA TABUNG HAJI DALAM

MENINGKATKAN EKONOMI UMAT ISLAM DI MALAYSIA

LATAR BELAKANG TABUNG HAJI

Proses penubuhan Lembaga Tabung Haji (**TH**) melalui jangka masa yang panjang melibatkan proses perbincangan, mesyuarat dan rundingan dengan pelbagai pihak demi kepentingan umat Islam. Sejarah penubuhannya bermula pada bulan Disember 1959 apabila YM Profesor Diraja Ungku Aziz mengemukakan kertas kerja kepada pihak kerajaan bertajuk “Rancangan Membaiki Keadaan Ekonomi Bakal-Bakal Haji”.

Beliau mengesyorkan penubuhan satu perbadanan untuk mengendalikan urusan umat Islam menunaikan haji. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Kebajikan Ekonomi Bakal-Bakal Haji dibentuk. Hasil perbincangan jawatankuasa tersebut, “Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji” ditubuhkan di bawah Undang-undang Bil 34/62 berkuatkuasa pada 1 November 1962 dan dilancarkan pada 30 September 1963.

Pada tahun 1969 perbadanan tersebut dicantumkan dengan Pejabat Urusan Hal Ehwal Haji yang beroperasi di Pulau Pinang sejak tahun 1951. Dengan penggabungan tersebut lahirlah Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) atau ringkasnya Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta 8, Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 dengan tujuan untuk :

- 1) Membolehkan orang-orang Islam menyimpan secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardhu haji atau lain-lain perbelanjaan bermanfaat;
- 2) Membolehkan orang-orang Islam melalui wang simpanan mereka mengambil bahagian yang lebih berkesan di bidang penanaman modal melalui cara yang halal di sisi Islam; dan

- 3) Memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada jemaah haji yang menunaikan fardhu haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan.

Berasaskan kepada tujuan-tujuan itu, **TH** telah menetapkan matlamatnya iaitu memberi perkhidmatan yang baik, sempurna dan amat memuaskan kepada jemaah haji Malaysia dalam urusan menunaikan fardhu haji serta memberi keuntungan yang maksimum kepada pendeposit-pendeposit atas wang simpanan mereka.

Sebagai sebuah badan yang berunsurkan korporat **TH** amat peka dengan perkembangan dan perubahan yang melanda dunia di era 90an. Demi menjamin kesinambungan daya saingnya dalam era globalisasi satu kajian telah dibuat pada tahun 1995 bagi meluaskan lagi skop dan peranan **TH**.

Dari itu, pada 1 Jun 1995 akta baru Tabung Haji iaitu Akta 535, Akta Lembaga Tabung Haji 1995 dikuatkuasakan dengan memansuhkan akta lama dan nama Lembaga Urusan dan Tabung Haji digantikan dengan Lembaga Tabung Haji pada 28 Ogos 1997, dan serentak dengan itu huruf **TH** diperkenalkan sebagai singkatan nama menggantikan perkataan Tabung Haji.

Penubuhan Lembaga Tabung Haji dinyatakan dalam Seksyen 3, Akta Lembaga Tabung Haji 1995

Seksyen 3. (1) Maka inilah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Lembaga Tabung Haji”.

(2) Lembaga hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai Meterai perbadanan perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(3) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Lembaga boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan tak alih dan boleh memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan, atau dengan apa-apa caralain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apaharta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Lembaga mengikut apa-apa terma yang difikirkannya patut.

Untuk memastikan **TH** terus relevan, usaha penambahbaikan berterusan sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa melibatkan keseluruhan aktiviti **TH** selaras dengan visinya iaitu “Tonggak Kejayaan Ekonomi Ummah, Pengurusan Haji Terbilang”.

PERANAN & SUMBANGAN TH DALAM MEMAJUKAN EKONOMI UMAT ISLAM DI MALAYSIA

(A) PENINGKATAN SIMPANAN & PEGANGAN EKUITI

Sumber kewangan utama Lembaga Tabung Haji dinyatakan dalam Seksyen 16, Akta Tabung Haji 1995.

Seksyen 16. (1) *Lembaga boleh menerima deposit daripada mana-mana individu Muslim yang berwarganegara Malaysia dan bermastautin diMalaysia.*

(2) *Deposit hendaklah diterima bagi maksud berikut:*

- (a) *menyimpan untuk individu itu menunaikan haji di Tanah Suci; atau*
- (b) *sebagai simpanan bagi pelaburan atau bagi apa-apa maksud lain yang dibenarkan oleh Lembaga.*

Berdasarkan kajian YM Profesor Diraja Ungku Aziz tentang kemiskinan luar bandar, beliau mendapati orang Melayu akan berkorban demi kepentingan agama. Niat dan tujuan untuk menunaikan rukun Islam yang kelima mendorong mereka menyimpan wang biarpun kedudukan ekonomi mereka tidak begitu mantap.

YM Profesor Diraja Ungku Aziz juga mengetahui bahawa di antara sebab-sebab penduduk luar bandar tidak menyimpan wang di pejabat pos atau bank ialah berkaitan soal riba'. Ramai yang tidak mengetahui dengan pasti tentang kedudukan riba' ini. Semasa menjalankan kajian, YM Profesor Diraja Ungku Aziz mendapati sebahagian penduduk luar bandar walaupun dilanda kemiskinan, mereka masih berusaha menyimpan wang untuk pergi ke Makkah.

Menyimpan wang untuk menunaikan fardhu haji ini merupakan dorongan yang kuat untuk berjimat. Demi mencukupkan perbelanjaan ke Tanah Suci, umat Islam berusaha gigih siang dan malam untuk mengumpul wang.

YM Profesor Diraja Ungku Aziz juga mendapati bahawa kebanyakan cara menyimpan wang di kalangan penduduk luar bandar adalah sangat tidak memuaskan bahkan boleh merugikan. Pelbagai kaedah tradisional menyimpan wang diamalkan. Ada yang mencagarkan tanah pusaka dan menggadaikan harta benda warisan bagi mencukupkan perbelanjaan ke Tanah Suci. Ada yang menyimpan wang di bawah bantal dan di celah atap ataupun di dalam tempayan yang ditanam di dalam tanah.

Terdapat juga di kalangan mereka ini yang telah menyimpan wang yang agak banyak telah membeli haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau sebagai cara menyimpan wang. Apabila membiak, mereka akan menjualnya dan membeli tanah. Akhirnya tanah ini dijual untuk mendapatkan belanja dan tambang untuk ke Makkah.

Bagi YM Profesor Diraja Ungku Aziz semua cara menyimpan ini tidak lagi sesuai, malah ia boleh menyebabkan kerugian sekiranya rumah terbakar atau berlaku kecurian, haiwan ternakan mungkin mati dan berlaku kenaikan cukai tanah.

Oleh sebab keperluan untuk memenuhi kehidupan yang sukar pada ketika itu, sering kali ibadah haji tertangguh dan akhirnya tidak dapat dilaksanakan. Ada kalanya tekanan ekonomi ini berlarutan sesudah kembalinya mereka dari menunaikan ibadah fardhu haji. Kegagalan menguruskan wang dan keimbangan terhadap sistem perbankan berunsurkan riba' secara tidak langsung turut merencatkan struktur ekonomi luar bandar serta mengancam pertumbuhan ekonomi negara.

Selepas penubuhan **TH** pada tahun 1969, umat Islam di Malaysia mula membuka buku akaun simpanan. Pada masa ini, amaun minimum **RM2.00** sahaja sudah mencukupi untuk tujuan tersebut. Kempen dibuat secara berterusan agar umat Islam menyimpan di **TH** dari umur baru dilahirkan sehingga pendeposit berjaya menunaikan ibadah haji dan umrah. Malah, simpanan juga diterima selepas pendeposit berjaya menunaikan ibadah haji.

Jadual 1 : Bilangan Pendeposit TH ('000 Orang) & Simpanan Pendeposit TH (RM Bilion)

TAHUN	BILANGAN PENDEPOSIT (‘000 ORANG)	% KENAIKAN	SIMPANAN PENDEPOSIT (RM BILLION)	% KENAIKAN
2010	5627	10.41	27.1	12.92
2011	6956	19.11	31.7	14.51
2012	8171	14.87	38.3	17.23
2013	8304	1.60	45.7	16.19
2014	8600	3.44	54.4	16.00

Sumber : Penyata Kewangan Tahunan 2010 Hingga 2014 TH

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan pendeposit dan jumlah simpanan pendeposit semakin bertambah setiap tahun membuktikan **TH** menjadi pilihan utama umat Islam di Malaysia.

Untuk memastikan **TH** terus relevan pelbagai inovasi dan penambahbaikan dilaksanakan untuk manfaat pendeposit. Jika dulu pendeposit perlu beruruskan hanya di kaunter **TH**, kini urusan juga boleh dibuat di kaunter Pusat Transformasi Bandar (**Urban Transformation Centre-UTC**) dan Pusat Kewangan Islam (**Islamic Financial Centre-IFiC**).

Selain itu, kerjasama strategik dengan Bank Islam Malaysia Berhad (**BIMB**), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (**Bank Rakyat**) dan Maybank Islamic Berhad membolehkan pendeposit membuat transaksi pengeluaran, simpanan dan semakan melalui capaian Mesin Pengeluaran Automatik (**ATM**), Mesin Deposit Tunai (**CDM**), uniteller di 360 cawangan bank berkenaan di seluruh negara dan perkhidmatan atas talian myTaHa.

Selain itu, **TH** juga telah mengambil inisiatif dengan bekerjasama dengan 11 institusi dan bank lain yang dilantik sebagai ejen kutipan simpanan untuk memudahkan pendeposit **TH** iaitu Pos Malaysia Berhad, BSN, RHB, Public Bank, CIMB, Ambank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Asian Finance Bank, Kuwait Finance Bank dan Affin Islamic Bank Berhad.

Simpanan juga boleh dibuat melalui Skim Potongan Gaji bagi memudahkan pendeposit tanpa perlu datang ke kaunter **TH**. Potongan gaji serendah RM10 boleh dibuat untuk diri sendiri, isteri atau suami, anak-anak dan adik-beradik. Skim Pelaburan Ahli KWSP yang diperkenalkan sejak tahun 1997 pula membolehkan pencarum berurus dengan KWSP supaya simpanan KWSP dipindahkan ke akaun simpanan **TH** sebanyak RM1300 bagi melayakkan pencarum mendaftar haji.

Konsep simpanan di **TH** adalah berdasarkan konsep Wadi'ah Yad Dhamanah. Ia merupakan konsep simpanan di mana pendeposit menyimpan wangnya dan **TH** sebagai penjaga bersetuju untuk menjaga wang tersebut. Dalam kontrak ini, pendeposit telah memberi keizinan kepada **TH** untuk menggunakan atau meminjam wang mereka bagi tujuan perniagaan, pelaburan dan sebagainya. Kesan daripada kebenaran ini, **TH** dan kerajaan akan menjamin wang yang diletakkan di bawah jagaannya. Dari sudut keuntungan yang diperoleh, ia adalah milik penuh **TH**. Oleh itu, keuntungan yang diagihkan adalah menurut budi bicara **TH** termasuk juga memberi pulangan yang berlainan kepada para pendeposit.

Kelebihan menabung di **TH** adalah terlaksananya sistem kewangan Islam. Zakat perniagaan pula dibayar oleh **TH** bagi pihak pendeposit. Simpanan yang dilabur juga menepati tuntutan syariah. Bonus simpanan yang diterima adalah kompetitif dan dikecualikan cukai. Jumlah simpanan dan pengeluaran wang boleh dibuat tanpa had kekerapan dan bila-bila masa ini sudah tentu meningkatkan jumlah penyimpannya. **TH** juga menyediakan kemudahan penama sekiranya apa-apa yang tidak diingini berlaku kepada pelabur dan penyimpan.

Kesemua wang deposit bagi penyimpan dan pelabur wang di **TH** adalah dijamin oleh kerajaan dan mereka tidak perlu bimbang mengenai dakwaan wang simpanan dan pelaburan tersebut akan lesap apabila **TH** mengalami kerugian. **TH** berdaya saing dan kompetitif melalui perkhidmatan yang inovatif dan skim simpanan menarik direka untuk menggalakkan simpanan dan pelaburan.

Pengwujudan **GLC** amanah termasuklah **TH** terbukti berjaya meningkatkan pemilikan modal umat Islam di Malaysia sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (**DEB**) pada tahun 1971 dan Dasar Pembangunan Nasional (**DPN**) pada tahun 1991. Pada masa ini, **GLC** amanah telah menguasai antara 30 hingga 40 peratus nilai pasaran modal saham di Bursa Malaysia. Usaha ini juga sedikit sebanyak dapat mengembangkan milikan modal perniagaan umat Islam di Malaysia ke tahap yang ada sekarang.

(B) PENAMBAHNILAIAN MODAL & SIMPANAN MELALUI PELABURAN

Pelaburan merupakan salah satu aktiviti teras **TH**. **TH** adalah sebuah Institusi Kewangan Islam unggul di Malaysia dengan lebih 52 tahun pengalaman. Sebagai sebuah Pengurus Dana Islam terbesar negara dengan dana melebihi RM60 bilion, **TH** berusaha untuk memperkasakan dan meningkatkan ekonomi umat Islam di Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada.

Fungsi Tabung Haji sebagai pengurus pelaburan dinyatakan dalam Seksyen 4, Akta Tabung Haji 1995.

Seksyen 4. (1) Lembaga hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) mentadbirkan Kumpulan Wang;

(b) mentadbirkan segala perkara yang berkenaan dengan kebajikan jemaah haji dan untuk merumuskan dasar yang berkaitan dengannya; dan

(c) melakukan apa-apa benda lain yang dikehendaki atau dibenarkan dilakukan di bawah Akta ini.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan mana-mana atau semua fungsinya keseluruhannya atau sebahagiannya di Malaysia atau di luar Malaysia.

(3) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri—

(a) menyertai apa-apa perkongsian, usahasama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan lain bagi berkongsi keuntungan atau menjalankan aktiviti-aktivitinya bersama-sama dengan, atau selainnya, manamana orang, pihak berkuasa awam atau kerajaan yang

menjalankan atau terlibat dalam mana-mana aktiviti sedemikian;

(b) mengambil atau selainnya memperoleh syer dan sekuriti dalam mana-mana pihak berkuasa awam, perbadanan atau badan lain dan boleh menjual, memegang atau mengeluarkan semula syer atau sekuriti itu atau selainnya melupuskan atau berurusan dengannya;

(c) menujuhkan perbadanan dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Lembaga untuk menjalankan dan bertanggungjawab bagi, mengendalikan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang sudah dirancangkan atau diusahakan oleh Lembaga; atau

(d) menujuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan atau, melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang sudah dirancangkan atau diusahakan oleh Lembaga.

(4) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi sesuatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah perenggan (3)(c).

Menurut Seksyen 11(1) Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535), Ahli Lembaga Pengarah telah diperuntukkan kuasa untuk menujuhkan satu jawatankuasa Penasihat Pelaburan yang dikenali sebagai Panel Pelaburan. Panel Pelaburan ini bertanggungjawab menasihati Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan **TH** ke atas keberkesanan aktiviti dan kawalan dalam pelaburan **TH** dalam usaha mempertingkatkan nilai pelaburannya serta memperolehi pulangan yang kompetitif.

Jabatan Pelaburan pula bertanggungjawab untuk semua urusan pelaburan dalam sektor ekonomi yang diluluskan Syariah bertujuan memberi pulangan yang kompetitif. Tumpuan utama yang diberikan oleh jabatan ini adalah termasuk langkah-langkah mempelbagaikan dan memperkuatkan aktiviti-aktiviti pelaburan bagi meningkatkan keuntungan dan berusaha ke arah pengembangan dana ummah di samping meningkatkan usaha pengeluaran barang dan kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai. Penekanan akan terus dibuat kepada syarikat-syarikat yang berdaya maju dan mempunyai pengurusan yang cekap. Jabatan ini sentiasa berusaha mengenalpasti sektor-sektor industri yang berpotensi tinggi yang berkembang agar dapat menjamin serta memastikan kejayaan pelaburannya.

Jabatan Kewangan Korporat Dan Perkhidmatan (CFS) pula bertanggungjawab memperkuatkan pelaburan saham dan hartanah **TH** melalui penilaian peluang pelaburan strategik yang komprehensif, sistem pemantauan cekap dan mantap, pemulihan dan penambahbaikan pelaburan **TH** serta kawalselia urustadbir korporat terbaik. Di samping itu, Jabatan CFS juga berperanan memastikan setiap pengstruktur dan tindakan korporat atas setiap pelaburan saham dan hartanah dimanfaatkan demi menjaga kepentingan **TH** melalui perancangan startegik organisasi.

Sebagai panduan, pelaburan berbentuk riba', spekulasi dan judi adalah dilarang sama sekali. Transaksi adalah bersandarkan aset dengan pelaburan dalam aset sebenar. Pelaburan dalam sektor tertentu seperti arak, perkhidmatan kewangan konvensional, judi, babi, tidak halal, porno dan lain-lain adalah dilarang. Pelaburan dalam instrumen tertentu seperti "**option**", "**forward**", "**derivative**", "**short-selling**" dan lain-lain juga adalah dilarang. Transaksi berdasarkan hutang (kredit) juga tidak digalakkan.

Pada masa ini **TH** bukan sahaja menjadi pengurus kepada hal ehwal pemergian umat Islam menunaikan ibadah haji, bahkan menjadi institusi pelaburan Islam terkemuka di dunia yang terbukti berkesan menguruskan pelaburan yang cekap bagi meningkatkan modal umat Islam menerusi pelaburan dalam sektor halal, menguntungkan dan mengikut lunas-lunas Islam.

Sesungguhnya tanggungjawab ini selari dengan ajaran Islam yang menggesa umatnya memberi perhatian serius terhadap pembangunan fizikal dan spiritual. Hal ini kerana pembangunan dalam Islam itu berasaskan nilai dan matlamat untuk memberi kesejahteraan hidup, baik di dunia maupun di akhirat. Islam telah meletakkan panduan yang cukup jelas berpaksikan dua matlamat ini seperti firman Allah SWT dalam Surah Al-Qasas ayat 77:

Maksudnya: “*Dan tuntutlah harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu (akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat) janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.*”

Melalui **TH**, risiko pelaburan amat rendah atau hampir tiada lantaran jaminan yang diberikan kerajaan berbanding badan dana amanah yang lain. Pelaburan atau pembelian hartanah yang dibuat oleh **TH** hanya dalam hartanah yang patuh syariah dan mampu menjana pulangan tidak kurang 6 peratus.

TH perlu meneruskan aktiviti pelaburannya disebabkan oleh dua perkara iaitu pertama bagi meneruskan pemberian pulangan dividen yang tinggi pada pendeposit khususnya yang melibatkan pendeposit yang menyimpan duit bertujuan pelaburan kerana telah selesai menunaikan ibadah haji. Penyimpan

dalam kategori ini adalah yang paling ramai iaitu sebanyak 8.1 juta pendeposit dengan jumlah dana RM32 billion.

Kedua, **TH** berupaya terus memberi subsidi pada jemaah haji yang hanya memerlukan mereka membayar RM9980 berbanding kos sebenar haji RM17270 bagi setiap orang. Ini bermakna **TH** telah memberikan bantuan subsidi sebanyak RM7290 setiap orang. Bantuan subsidi ini menjangkau sejumlah RM150 juta pada tahun 2015 dan jumlah ini menunjukkan peningkatan 16% berbanding tahun lalu. Sebahagian besar daripada kos subsidi berjumlah 40.5% digunakan untuk penginapan.

Jadual 2 : Keuntungan Bersih TH (RM Juta)

TAHUN	KEUNTUNGAN BERSIH (RM JUTA)	% KENAIKAN
2010	1497	25.18
2011	1689	11.37
2012	2146	21.29
2013	2634	18.53
2014	2979	11.55

Sumber : Penyata Kewangan Tahunan 2010 Hingga 2014 TH

Jadual 2 di atas menunjukkan keuntungan bersih yang diterima oleh **TH** meningkat setiap tahun melalui aktiviti pelaburan dalam pelbagai sektor ekonomi.

TH terus mengukuhkan kedudukannya di pasaran, baik di dalam negara dan di arena antarabangsa dengan menceburi bidang pelaburan di beberapa sektor seperti kewangan Islam, pembangunan harta tanah dan pembinaan, perladangan, hospitaliti, sokongan marin, teknologi maklumat dan perkhidmatan. Dengan keuntungan bersih

hampir RM3 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, **TH** mampu memberi pulangan yang kompetitif kepada pemegang kepentingannya setiap tahun.

Jadual 3 : Kadar Bonus Pendeposit TH (%) & Bonus Pendeposit TH (RM Juta)

TAHUN	KADAR BONUS PENDEPOSIT (%)	BONUS PENDEPOSIT (RM JUTA)	BONUS HAJI (%)	BONUS HAJI (RM JUTA)
2010	5.5	1332	-	
2011	6.0	1678	-	
2012	6.5	2141	1.5	317
2013	6.0	2409	2.0	223
2014	6.25	2988	2.0	249

Sumber : Penyata Kewangan Tahunan 2010 Hingga 2014 TH

Jadual 3 di atas membuktikan sejak tahun 2010, **TH** tidak pernah gagal malah menunjukkan corak peningkatan dari tahun ke tahun dalam pemberian bonus yang tinggi. Kadar pemberian bonus@dividen **TH** adalah lebih tinggi berbanding dengan tawaran pelaburan di pelbagai institusi perbankan Islam dan bank-bank komersial lain di negara ini.

Selain mendapat bonus tahunan yang diberikan oleh **TH** setiap tahun, terdapat satu lagi bonus tambahan iaitu bonus haji pada pemegang akaun yang belum pernah menunaikan haji. **Bonus haji** adalah bonus khas yang diberi kepada para pendeposit **TH** yang belum pernah menunaikan haji dan terhad kepada bayaran haji semasa (RM9,980).

Bonus **TH** telah ditolak zakat sebelum diagihkan kepada penyimpan dan pelabur.

Bila **TH** telah menolak zakat simpanan ini, ia memudahkan pendeposit disebabkan kesibukan tugas yang boleh menyebabkan pendeposit terlupa untuk membayar zakat simpanan. Jika diteliti, apabila kadar bonus pendeposit ditambah dengan kadar zakat 2.5%, bermakna kadar pulangan sebenar adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan skim simpanan dan pelaburan yang lain.

Bonus **TH** yang diterima oleh pendeposit boleh terus dilaburkan atau dikeluarkan oleh pendeposit sebagai punca pendapatan lain melalui simpanan. Sekiranya pendeposit memasukkan RM10,000 dalam akaun manakala kadar bonus tahunan adalah **6%** bermakna pendeposit akan menerima RM600 sebagai bonus tahunan pada tahun berkenaan. Hasil bonus tahunan ini telah ditolak zakat simpanan dan dikecualikan cukai, boleh digunakan sebagai pendapatan sampingan pendeposit.

Bagi pencarum KWSP yang telah mencapai umur 50 tahun dan telah bersara wajib 55 tahun, mereka akan mengeluarkan wang caruman KWSP sama ada sebahagian atau semua caruman mereka. Pendeposit kategori ini juga digalakkan untuk membuat pelaburan di **TH**. Jika pencarum KWSP mengeluarkan RM100,000 dan mendepositkan ke **TH**, bermakna mereka boleh mendapat pendapatan tambahan RM6,000 setahun jika kadar bonus tahunan adalah sebanyak **6%** dengan syarat tiada pengeluaran simpanan **TH** dibuat pada tahun berkenaan.

(C) MEMAJUKAN USAHAWAN BUMIPUTERA MELALUI PEMBIAYAAN

Bagi membantu usahawan-usahawan bumiputera, Dana Bumiputera Al-Ansar telah dilancarkan pada 2 April 2015 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak. Ia merupakan Akaun Pelaburan Terhad (Restricted Investment Account "RIA") yang pertama di Malaysia yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). Dana ini

menyediakan kemudahan pembiayaan dan kredit bernilai antara RM50,000 hingga RM1 juta dalam tempoh 5 tahun, dengan tawaran kontrak yang mematuhi Syariah iaitu Kontrak Tawarruq.

TH sebagai salah satu syarikat berkaitan kerajaan (**GLC**) telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk dana ini dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dilantik sebagai agen Pengurus Dana (Program Pembiayaan PKS Al-Ansar) bagi menyalurkan kemudahan pembiayaan tersebut kepada usahawan-usahawan Bumiputera terpilih.

Dana Bumiputera Al-Ansar bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan bantuan kepada usahawan Bumiputera dalam urusan untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan dan kredit untuk menjalankan dan mengembangkan perniagaan mereka. Ini juga selari dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan ekonomi Bumiputera dengan menggalakkan usahawan Bumiputera dari segi kemudahan pembiayaan seperti pembiayaan modal kerja, pembiayaan kontrak dan perbelanjaan modal.

TH juga akan memperuntukkan dana ini dengan memberi keutamaan kepada 11 sektor industri seperti Makanan Halal, Minyak dan Gas, Pendidikan, Kesihatan, Pertanian, Pertanian Asas dan Asas Tani, Pembinaan, Pengangkutan, Sokongan Telekomunikasi dan Utiliti, Borong dan Runcit, dan Hospitaliti. Ini adalah bertujuan untuk mengembangkan usahawan-usahawan Bumiputera yang berkecimpung di dalam sektor-sektor tersebut.

Langkah ini adalah suatu yang murni dan memberi impak besar untuk mengangkat martabat usahawan bumiputera di negara ini. **GLC** lain sewajarnya mengikut jejak langkah **TH** ini bagi membantu usahawan bumiputera.

(D) PENGHAPUSAN KEMISKINAN MELALUI AGIHAN ZAKAT

Zakat telah ditetapkan oleh Allah dengan matlamat utama sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukan dalam masyarakat, membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat dan juga sebagai satu bentuk penyucian dan pembangunan spiritual

Zakat diagihkan untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan bagi memenuhi keperluan asas mereka. Ia diagihkan untuk memenuhi pelbagai keperluan jangka pendek dan jangka panjang. Zakat hanya boleh diagihkan kepada golongan-golongan yang tertentu sahaja, seperti dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud:

"Sesunguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, dan orang-orang miskin, dan `amil-`amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (Surah at-Taubah: 60)

Lapan asnaf zakat ini merangkumi pelbagai golongan yang memerlukan bantuan kewangan. Golongan berpendapatan rendah dan memerlukan, sementara ataupun kekal semuanya dilindungi oleh zakat. Sebahagian besar dari zakat diagihkan kepada mereka yang berpendapatan rendah dalam ekonomi. Oleh itu, wang yang dipungut dari golongan berpendapatan tinggi dalam masyarakat dipindahkan kepada golongan yang berpendapatan rendah melalui institusi zakat, mempunyai kesan agihan semula yang berkesan dalam masyarakat.

Jadual 4 : Pembayaran Zakat oleh TH (RM Juta)

TAHUN	JUMLAH ZAKAT (RM JUTA)	% KENAIKAN
2010	41	4.88
2011	44	6.82
2012	47	6.82
2013	53	11.32
2014	57	7.02

Sumber : Penyata Kewangan Tahunan 2010 Hingga 2014 TH

Jadual 4 di atas menunjukkan jumlah pembayaran zakat oleh **TH** meningkat sejak tahun 2010 selaras dengan peningkatan jumlah pendeposit, peningkatan jumlah simpanan pendeposit dan peningkatan jumlah pendapatan kasar **TH**. Sumbangan penting ini dibuktikan dengan pengiktirafan Anugerah Zakat Kebangsaan kategori syarikat GLC pada tahun 2012 kepada **TH**.

TH sebagai salah satu institusi utama penyumbang zakat telah melaksanakan kewajipan berzakat pada setiap tahun kepada pihak berkuasa agama negeri-negeri di seluruh Malaysia. Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2014, agihan pembayaran zakat untuk Wilayah Persekutuan adalah sebanyak RM5.63 Juta, Johor RM4.46 Juta, Selangor RM4.04 Juta, Kedah RM3.98 Juta, Terengganu RM3.8 Juta, Pahang RM2.78 Juta, Pulau Pinang RM2.0 Juta, Negeri Sembilan RM1.8 Juta, Melaka RM1.5 Juta, Sabah RM1.0 Juta dan Sarawak RM0.9 Juta.

Agihan zakat yang dibuat oleh pihak berkuasa agama negeri adalah secara langsung dan tidak langsung. Antara bantuan kepada asnaf berbentuk peningkatan ekonomi oleh Baitulmal MAIWP adalah bantuan modal perniagaan terutama peniaga kecil, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan pertanian dan bantuan deposit motosikal OKU (roda tiga).

Pusat Zakat Negeri Sembilan dan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pula telah melaksanakan Program Melahirkan Usahawan Asnaf dan Pusat Pembangunan Asnaf Baitulmal MAINS bagi meningkatkan pendapatan dan

melahirkan usahawan dari kalangan asnaf dengan mengadakan kursus jahitan, kursus masakan dan pendedahan ilmu pengurusan kewangan.

Pihak Baitulmal, pusat zakat dan pihak berkuasa agama Islam negeri lain turut melaksanakan pelbagai bentuk program yang bertujuan untuk membantu golongan asnaf berdikari seterusnya mengubah kehidupan dan taraf ekonomi mereka.

Pada tahun 2015, kadar kemiskinan di Malaysia telah menurun kepada kurang daripada 0.6% berbanding kurang 5% pada tahun 2007. Pendapatan berkapita juga menunjukkan peningkatan iaitu RM33,875 pada tahun 2014.

(E) RANTAIAN & KESAN BERGANDA MELALUI PELUANG PERNIAGAAN & KERJAYA DI PELBAGAI SEKTOR

TH adalah satu-satunya organisasi dan syarikat pelaburan di dunia yang dimiliki secara kolektif dan 100% oleh umat Islam. Kewujudan **TH** membolehkan ramai tenaga kerja daripada kalangan umat Islam di negara ini mendapat rezeki dari segi perolehan pendapatan hasil peluang kerja, permodalan projek dan tender serta program berkaitan penggembangan dana **TH**.

Dengan penubuhan anak syarikat yang banyak dalam pelbagai sektor, ia telah membuka ribuan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada umat Islam di Malaysia malahan umat Islam di luar negara.

a) Kakitangan dan Sumber Tenaga TH

Kini, **TH** mempunyai lebih daripada 8 juta pendeposit dan 122 cawangan, dengan lebih daripada 6,000 ‘touch-points’ di seluruh negara. Pelbagai jawatan dan bidang tugas ditawarkan oleh **TH** dengan gaji, elauan serta kemudahan yang menarik dan berpatutan. Di samping itu sumber tenaga **TH** terdiri daripada umat Islam serta gabungan golongan profesional dalam pelbagai bidang.

Selain itu, Ahli Lembaga Pengarah **TH** turut melibatkan tokoh dan pakar dalam pelbagai bidang dari sektor kerajaan dan swasta. Penasihat Pelaburan dan Panel Syariah juga terdiri daripada golongan profesional dalam menguruskan pelaburan.

TH telah mendapat persijilan MS ISO 9001: 2008 dalam perkhidmatan haji, perkhidmatan perolehan, khidmat pendeposit dan operasi. Seterusnya dengan pencapaian-pencapaian tersebut, kecemerlangan **TH** telah mendapat pengiktirafan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara.

b) Penubuhan syarikat dan anak syarikat

Oleh kerana dunia perniagaan tidak lagi seperti dahulu, aktiviti perniagaan **TH** telah dipelbagaikan agar menjadi sebuah institusi kewangan Islam yang mampu berdiri kukuh demi membantu meningkatkan ekonomi umat Islam di Malaysia. Oleh yang demikian, menerusi perancangan yang tersusun telah membolehkan para pendeposit mengambil bahagian yang lebih berkesan dalam bidang pelaburan melalui penanaman modal dengan cara yang halal seperti yang digagaskan oleh YM Profesor Diraja Ungku Aziz bertajuk "Rancangan Membaiki Ekonomi Bakal-bakal Haji" pada tahun 1959.

Selain membantu umat Islam menabung secara sistematik bagi menunaikan haji, ia juga untuk memastikan umat Islam negara ini mampu berdaya saing dalam bidang ekonomi berpotensi tinggi. **TH** telah menuahkan syarikat yang berkaitan kewangan Islam, pembangunan harta tanah dan pembinaan, perladangan, hospitaliti, sokongan marin, teknologi maklumat dan perkhidmatan.

i) Sektor Kewangan Islam

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Syarikat Takaful Malaysia Berhad terletak di bawah seliaan BIMB Holdings Berhad (BHB) terlibat dalam sektor perbankan. **TH** turut mengukuhkan kedudukan dalam sektor kewangan Islam merangkumi perkhidmatan perbankan Islam, takaful dan sekuriti. BIMB Holdings Berhad anak syarikat **TH**, adalah pelopor industri kewangan Islam sejak tahun 1983. Begitu juga dengan perkhidmatan takaful melalui Takaful Malaysia yang juga peneraju

perniagaan berkenaan dan menguasai pasaran Takaful Keluarga Kumpulan, Takaful Keluarga dan Takaful Am di Malaysia.

Sejak penubuhan **TH** dan bank Islam yang pertama, negara terus mengemudi pelbagai usaha seperti memperkenalkan syarikat takaful pertama dan membolehkan bank-bank konvensional turut membuka kaunter yang menawarkan perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam. Inisiatif ini disokong dengan usaha berterusan dalam memantapkan rangka kerja perundangan, pengawalan, penyeliaan dan syariah bagi memastikan sektor kewangan Islam dapat berkembang secara teratur dan pada masa yang sama, kestabilan kewangan dikekalkan. Komitmen kerajaan untuk memastikan negara menjadi Pusat Kewangan Islam Antarabangsa turut direalisasikan.

Perkembangan sistem kewangan Islam ini secara tidak langsung membuka peluang kerjaya kepada umat Islam di Malaysia terutama golongan profesional untuk menjadi akauntan, perunding kewangan Islam dan ejen-ejen takaful.

ii) Sektor Pembangunan Hartanah dan Pembinaan

TH turut terbabit dalam sektor pembangunan harta tanah, pembinaan dan pengurusan projek serta pengurusan harta tanah dan kemudahan prasarana secara langsung melalui TH Properties Sdn Bhd, LTH Property Investment (L) Inc., LTH Property Holdings Limited dan LTH Property Holdings 2 Limited.

Pembangunan Bandar Enstek di Nilai, Negeri Sembilan seluas lebih 5,000 ekar menjadi mercu tanda kejayaan **TH** dalam sektor ini. Antara projek TH Properties Sdn Bhd dalam sektor ini adalah pembinaan Institut Latihan Statistik Malaysia di Sungkai, Perak, kerja pembinaan jalan raya Terminal Penerbangan Kos Rendah KLIA, pembinaan Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya, Projek Hotel dan Pusat Konvensyen Tabung Haji di KLIA, pembinaan sehinggaalah pentadbiran dan

pengurusan tujuh buah TH Hotel and Residence dan Kompleks Haji di seluruh negara.

TH juga terlibat dalam pemilikan dan pengurusan beberapa harta tanah dan bangunan strategik oleh Kumpulan **TH** di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan Cyberjaya seperti Menara Bank Islam (Wakaf), Bangunan Platinum Park, Glomac Damansara, TH Selborn, TH Perdana, Bangunan Shell Cyberjaya, Bangunan Pasar raya Mydin di Subang Jaya dan Meru, bangunan pejabat di KL Sentral dan Damansara Utama dan Hospital Columbia Asia di Seremban, Negeri Sembilan.

TH juga melakar sejarah tersendiri dengan pelaburan di United Kingdom, London melalui pemilikan tiga bangunan pejabat iaitu di 10 Queen Street Place, 151 Buckingham Palace Road dan Surrey pada tahun 2012 dan 2013. Pelaburan harta tanah juga dibuat di Australia. Pelaburan **TH** ini secara tidak langsung berjaya meningkatkan pemilikan ekuiti dan harta tanah bernilai tinggi. **TH** sentiasa memastikan pendapatan sewaan dalam bidang harta tanah ini melebihi 95 peratus adalah patuh syariah.

iii) Sektor Perladangan

TH telah mencebur ke sektor perladangan pada tahun 1972. Anak syarikat **TH** yang terlibat dalam sektor perladangan adalah TH Plantations Berhad, TH Indo Industries Sdn Bhd, TH Indopalms Sdn Bhd dan TH Estates (Holdings) Sdn Bhd.

Di bawah TH Plantations Berhad, **TH** memiliki ladang sawit dan getah melebihi 105,000 hektar disamping melabur dalam sektor perladangan di Indonesia dengan keluasan berpuluhan ribu hektar. Di Malaysia, **TH** mempunyai 36 ladang sawit dan 4 ladang getah. Ladang-ladang kelapa sawit dibuka di negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Terengganu, Sabah dan Sarawak serta di Kalimantan.

Selain itu **TH** turut terbabit dalam aktiviti pengilangan serta perniagaan hiliran di Indonesia khususnya pengeluaran dan pembungkusan minyak masak untuk pasaran

tempatan Indonesia dan antarabangsa. Sebanyak 16 kilang pemprosesan sawit beroperasi di Malaysia, Riau, Batam dan Kalimantan.

iv) Sektor Hospitaliti

Antara industri rantaian kepada operasi pengurusan haji yang menjadi perhatian dan diceburi **TH** ialah perkhidmatan hospitaliti, pelancongan dan industri makanan halal. TH Hotel and Residence dan TH Travel and Services Sdn Bhd adalah anak syarikat TH yang aktif menceburi bidang perkhidmatan berkenaan. Kini, perkhidmatan hospitaliti sudah siap siaga untuk menawarkan kemudahannya melalui Rangkaian TH Hotel di Bayan Lepas, Pulau Pinang; Alor Setar, Kedah; Kelana Jaya, Selangor; Kuala Terengganu, Terengganu; Kota Kinabalu, Sabah. TH Hotel and Residence juga bertanggungjawab menyelenggara urusan penyediaan makanan untuk jemaah di Tanah Suci di sepanjang musim haji dan kini mempunyai beberapa buah rangkaian kafetaria di Malaysia. TH Travel and Services Sdn Bhd pula menawarkan perkhidmatan pelancongan dengan pakej yang menarik dan kompetitif.

v) Sektor Sokongan Marin

Dalam industri minyak dan gas pula, **TH** melabur di dalam TH Marine Sdn Bhd, TH Alam Holdings (L) Inc dan TH Heavy Engineering Berhad. Melalui anak syarikat berkenaan, **TH** memiliki beberapa kapal sokongan marin di luar pesisiran pantai yang sesuai digunakan di laut dalam.

vi) Sektor Teknologi Maklumat

Dalam bidang teknologi maklumat, fokus utama **TH** melalui anak syarikatnya, Theta Edge Berhad adalah empat kompetensi utama iaitu sistem penyepaduan penyelesaian sistem, pengagihan produk, pembangunan aplikasi dan harta intelek serta pembekal perkhidmatan.

vii) Sektor Perkhidmatan

THC International pula terlibat dalam sektor perkhidmatan. Antara perkhidmatan yang diterima dan dilakukan oleh **TH** adalah penyelenggaraan Hospital Pusrawi dan Hotel Putra Kuala Lumpur dan perkhidmatan pembersihan Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan Kuala Lumpur.

c) Petugas Haji dan Umrah

Pada musim haji dan umrah setiap tahun, **TH** memerlukan petugas yang ramai. Pada musim haji tahun 2015 yang bermula pada 16 Ogos 2015 hingga 16 September 2015, lebih 200 petugas **TH** telah berkhidmat sepanjang musim haji untuk menguruskan 22,320 jemaah haji dengan 64 penerbangan. Petugas yang terlibat bukan sahaja terdiri daripada staff **TH** tapi turut membuka peluang kepada orang awam yang berminat, komited dan bersedia memberi khidmat terbaik sebagai petugas haji dan umrah. Petugas ini juga dikenali sebagai Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) perlu mengikuti kursus yang dianjurkan oleh **TH**.

d) Agensi Pelancongan Swasta

Perkhidmatan pakej haji swasta turut ditawarkan kepada agensi yang berkelayakan. Selain TH Travel & Services Sdn Bhd, pada masa ini terdapat 17 senarai agensi yang diluluskan oleh **TH** sebagai agensi perkhidmatan haji. Antara agensi swasta yang terkenal adalah Utas Travel & Tours Worldwide Holidays Sdn Bhd, Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd, TM Tours & Travel Sdn Bhd dan Felda Travel Sdn Bhd.

Setiap agensi pelancongan swasta akan diberikan Lesen Pengelola Jemaah Haji (LPJH) bagi memastikan ia memenuhi pakej yang ditawarkan. Untuk memohon LPJH, antara syarat yang diperlukan ialah pengurusan syarikat perlu ada anggota berpengalaman dalam urusan haji dan kedudukan kewangan yang kukuh.

Pada masa ini, harga pakej yang diperkenalkan adalah di antara RM20,000 hingga RM189,000 bergantung kepada lokasi bangunan penginapan serta perkhemahan

ketika di Arafah dan Mina. Daripada 22,320 jemaah haji Malaysia pada tahun 2015, seramai 2,215 jemaah haji telah memilih pakej haji swasta.

e) Tender, Kontrak Kerja dan Perkhidmatan Untuk Kontraktor Islam

Selain projek ubahsuai pejabat **TH**, kebanyakan tender dan perkhidmatan dibuka semasa musim haji termasuklah pembekalan bahan mentah, penyediaan makanan dan lain-lain. Maklumat berkaitan tender, kontrak kerja dan perkhidmatan boleh dibuat dan diperolehi melalui **e-Perolehan**. Tawaran tender, kontrak kerja dan perkhidmatan yang dibuka kepada kontraktor Islam bernilai ribuan malahan jutaan ringgit bergantung kepada skop dan spesifikasi kerja yang dilakukan.

f) Pendapatan Tambahan Klinik Swasta

Sebelum mengerjakan haji dan umrah, setiap bakal jemaah haji perlu menjalani pemeriksaan kesihatan. Pemeriksaan kesihatan boleh dibuat di hospital kerajaan atau di klinik swasta. Jika pemeriksaan kesihatan dibuat di klinik swasta, segala perbelanjaan ditanggung oleh bakal jemaah haji. Senarai hospital dan klinik bagi tujuan ini dipilih oleh pihak **TH** dan terdapat di seluruh negara.

g) Khidmat Wasiat

Bakal jemaah haji perlu menyediakan dokumen perancangan harta pusaka mereka dalam tempoh 14 hingga 21 hari sebelum mengerjakan ibadah haji. Antara dokumen yang perlu disediakan adalah hibah, wasiat, harta sepencarian, pewarisan perniagaan dan Amanah.

Salah satu syarikat yang berjaya mengambil peluang sebagai penyedia perkhidmatan ini adalah Wasiyyah Shoppe yang mempunyai 500 orang perunding. Melalui perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat Wasiyyah Shoppe Sdn Bhd (Wassiyyah Shoppe), dokumen berkenaan boleh disediakan dalam tempoh tujuh hari sahaja tanpa perlu melakukan bayaran tambahan.

h) Katering dan Chef@Tukang Masak

TH turut menubuhkan anak syarikat Katering Tabung Haji (KTH) bagi urusan penyediaan makanan berkualiti kepada jemaah haji Malaysia. Pada musim haji tahun 2015, selain bahan mentah seperti lengkuas, serai, cili kering dan santan, tenaga kerja sebagai penyedia bahan mentah dan tukang masak khas yang berpengalaman seramai 33 orang di bawa dari Malaysia supaya rasa masakan seperti tomyam, rendang, masak lemak dan singgang adalah asli seperti masakan di tanahair. Dua buah kontena kuih muih termasuk roti canai juga dibawa khas dari Malaysia untuk sarapan pagi jemaah dan petugas haji pada tahun 2015.

Pada musim haji tahun 2015, sebanyak 5 buah syarikat telah dilantik untuk menyediakan makanan kepada jemaah dan petugas haji. Di antara syarikat terpilih dan mendapat kepercayaan **TH** adalah Al-Wafa Catering & Services yang berkhidmat sejak 9 tahun lalu dan syarikat Al-Munief Katering yang beroperasi di Makkah dan Madinah. Perkhidmatan katering dan penyediaan makanan ini jelas membuka sumber pendapatan kepada pembekal bahan mentah, penyedia bahan masakan, tukang masak dan syarikat katering berkenaan.

i) PEKTA (Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air)

Mengikut rekod **TH** sehingga bulan Oktober 2015, seramai 482 orang PEKTA lelaki dan wanita telah dipilih dari seluruh negara. Kursus haji dan umrah dijalankan di masjid-masjid terpilih mengikut daerah. PEKTA yang dipilih terdiri daripada pegawai-pegawai yang cukup berpengalaman luas berkaitan ibadah haji dan umrah.

j) Peluang perniagaan lain di Arab Saudi

TH juga menyediakan Khidmat Luar di bangunan penginapan jemaah haji Malaysia sebagai pusat sehenti untuk jemaah haji berurusani. Perkhidmatan ini membuka peluang perniagaan berkaitan katering, penghantaran barang, telekomunikasi dan dobi untuk rakyat Malaysia beragama Islam.

Perkhidmatan katering di kafeteria disediakan oleh TH Global Services Sdn Bhd manakala Telekom Malaysia pula menyediakan kemudahan membuat panggilan ke Malaysia menggunakan iTalk. Beberapa gerai menjual al-Quran, jubah, cincin, kurma dan minyak wangi yang dijual pada harga berpatutan turut dibuka oleh peniaga.

k) Perkhidmatan Bagasi Haji

Perkhidmatan penghantaran barang ke Malaysia diuruskan oleh Pos Malaysia Berhad melalui anak syarikatnya Pos Laju, Nation Wide Express Services Sdn Bhd dan Syah Cargo & Forwarding Sdn Bhd.

Pada musim haji tahun 2015, Pos Laju telah menyediakan 30 petugas di 4 kaunter Khidmat Luar di bangunan penginapan Jemaah haji Malaysia (3 di Makkah dan 1 di Madinah). Pada musim haji tahun 2014, Pos Laju telah menguruskan sejumlah 232 tan kiriman bagasi termasuk cenderahati, barang dan makanan kering kepada saudara mara dan kenalan di tanah air. Jumlah ini menjangkau sejumlah 250 tan pada musim haji tahun 2015.

l) Petugas Media

Seperti sedia maklum, wartawan dibayar oleh majikan mereka berdasarkan hasil dan nilai pelaporan yang disampaikan. Pada musim haji tahun 2015, **TH** telah memberi ruang kepada 22 orang petugas media membabitkan wartawan dari pelbagai syarikat media cetak dan elektronik bagi melaksanakan tugas berkaitan perkembangan dan liputan mengenai jemaah haji untuk pembaca akhbar dan penonton televisyen sambil mengerjakan ibadat haji. Operasi media ini ditempatkan di bangunan ibu pejabat **TH** di Makkah dan Madinah.

m) Perkhidmatan Kaunseling

TH menyediakan perkhidmatan kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor berdaftar bagi membantu Jemaah haji mengatasi masalah psikologi ketika berada di Tanah Suci. Pada musim haji tahun 2015, khidmat kaunseling ini dikendalikan oleh 3 kaunselor berpengalaman yang diberikan bayaran elaun oleh **TH**.

n) Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M)

SL1M **TH** adalah untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan bagi mendapat pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan. Pelatih akan menjalani latihan secara praktikal dengan pekerjaan sebenar di TH selama satu tahun. Elaun latihan diberikan. Melalui SL1M TH, ramai graduan telah berjaya mendapat pekerjaan dan ada yang telah berjaya membuka perniagaan sendiri.

(F) PROGRAM CSR

Selain itu, atas keprihatinan **TH** sebagai institusi Islam untuk meningkatkan ekonomi umat di Malaysia, **TH** turut melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Setiap tahun, TH melaksanakan lebih 500 aktiviti CSR dengan peruntukan melebihi RM100 Juta kepada lebih 20 ribu golongan sasar seperti membantu asnaf, membantu keperluan persekolahan pelajar miskin, membantu golongan asnaf mendapatkan penginapan dan fasiliti yang selesa dan sumbangan peralatan kesihatan kepada hospital terpilih serta golongan yang menghadapi penyakit yang kronik seperti bantuan rawatan haemodialisis.

Tiga program CSR yang dilaksanakan **TH** adalah Projek Baiti, Program Ehsan dan Projek Iqra. Tujuan Projek Baiti adalah untuk membantu golongan kurang mampu untuk membaikpulih atau membina semula rumah. Sepanjang tahun 2012 dan 2013, sebanyak 70 buah rumah baru dan sebuah masjid baru berjaya dibina manakala 21 buah rumah telah dibaikpulih di 7 buah negeri.

Projek Ehsan pula dilaksanakan pada bulan Ramadhan dengan mengagihkan bantuan zakat kepada asnaf fakir miskin, ibu tunggal dan warga emas untuk membuat persiapan menyambut bulan Ramadhan dan merayakan Hari Raya Aidilfitri. Projek Iqra pula adalah program berbentuk pendidikan kepada pelajar kurang mampu dengan memberi peruntukan beg sekolah dan duit poket sebelum persekolahan bermula setiap tahun.

Ketiga-tiga program yang dilaksanakan adalah usaha **TH** secara langsung dan tidak langsung bagi meningkatkan taraf hidup dan ekonomi golongan asnaf dan kurang berkemampuan supaya mencapai kecemerlangan akademik demi masa depan yang lebih cerah. Pembasmian kejahilan ilmu pendidikan menjadi asas untuk melahirkan generasi umat Islam yang lebih berpendidikan dan mempunyai pekerjaan yang lebih baik daripada ibu bapa mereka yang miskin seterusnya membantu meningkatkan ekonomi keluarga.

KESIMPULAN & PENUTUP

Tahun 2015 adalah tahun yang mencabar bagi **TH** disebabkan keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Penyusutan nilai ringgit serta penurunan harga minyak mentah dunia menjadi penyumbang kepada persekitaran serba mencabar. Selain itu, sumbangan strategik kewangan Islam untuk kepentingan lebih jauh umat Islam semakin terhad. Umat Islam tidak lagi memiliki kelebihan bersaing, khasnya setelah bank bertaraf global turut mengguna dan menawarkan produk Islamik dan halal.

Bagi menghadapi cabaran di atas, umat Islam di Malaysia mesti mengekalkan kesetiaan membantu **TH** untuk terus berkhidmat dan memperkasa ummah. Mudah-mudahan masyarakat Islam di Malaysia terus memberikan sokongan dan kepercayaan kepada **TH** agar negara terus menjadi makmur. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya menerusi Surah Faatir: 29-30:

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang yang selalu membaca Kitab Allah, mendirikan solat dan mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara berterang-terang, mereka mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mensyukuri.*”

Faktor-faktor pertumbuhan ekonomi negara-negara anggota **OIC**, komitmen pelanggan runcit, liberisasi pasaran modal, pembangunan produk yang inovatif dan penajaan dari pelbagai pihak yang komited turut membantu lonjakan **TH** sebagai institusi kewangan terunggul di Malaysia.

Selain itu, faktor kewujudan dan menempatkan Bahagian Integriti di bawah Pejabat Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif berjaya membentuk persekitaran pekerjaan yang adil, telus dan bebas rasuah dan salah guna kuasa, meningkatkan keberkesanan pengurusan dan tadbir urus korporat serta meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan kawalan dalaman. Penguatkuasaan Polisi Pendedahan mulai tahun 2010 pula memudahkan warga **TH** dan orang awam melaporkan pelanggaran tatakelakuan atau integriti dan salahguna kuasa seseorang yang dilantik oleh **TH**.

Sebagai sebuah institusi kewangan Islam penting di Malaysia dan sebagai sebuah negara Islam contoh yang semakin menjadi rujukan dunia Islam, **TH** akan terus bergerak seiring dan terus relevan memainkan peranan memperkasa dan meningkatkan taraf kemajuan dan ekonomi umat Islam di negara ini walaupun **TH** diuji dari sudut dalaman dan luaran. Dalam dunia globalisasi, ketika dunia berada di hujung jari, **TH** tidak akan kalah untuk berdepan dengan segala persaingan baik pada peringkat glokal mahupun pada peringkat global.

(6453 patah perkataan)

BIBLIOGRAFI

Afyan Md Rawi. 2014. ***Muslim Harus Bijak Kewangan***. Majalah Solusi Isu 72. Terbitan Telaga Biru Sdn Bhd.

Afzal Ur-Rahman.1994. ***Doktrin Ekonomi Islam (Jilid 3)***. Tejemahan Zaharah Salleh. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Berita Harian. ***Had Subsidi TH Bantu Percepat Jemaah Naik Haji***. 8 Dis 2015.

Celik Wang : Pengurusan Wang Secara Bijak. 2009. Terbitan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Hailani Muji Tahir. 1991. ***Sistem Ekonomi Islam Dan Dasar Belanjawan***. Petaling Jaya. Al-Rahmaniah

Harian Metro. Bisnes. ***2015 Mencabar***. 10 Mac 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Najib Mahu GLC Bantu Usahawan Islam***. 03 April 2015.

Harian Metro. Addin. ***Pakar Syariah Pantau Perbankan Islam***. 06 Mei 2015.

Harian Metro. Bisnes. ***TH Intai Peluang Melabur Di Arab Saudi***. 24 Jun 2015.

Harian Metro. Setempat. ***TH Beri Subsidi RM7290***. 03 Ogos 2015.

Harian Metro. Bisnes. ***Khidmat Wasiat Jemaah Haji***. 12 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***64 Penerbangan Bawa 22320 Jemaah***. 13 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Kesempatan Istimewa***. 13 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Bertugas Sebagai Ibadah***. 14 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Sedia Hadapi Cuaca Panas***. 17 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Bantu Lancar Ibadat Haji***. 18 Ogos 2015.

Harian Metro. Minda. ***TH Lambang Terbaik Jihad Pengurusan***. 19 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Hidup Selesa Selepas Bersara***. 20 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Teruja Sampai Lupa Sakit***. 25 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Penambahbaikan Berterusan***. 26 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Petugas Media Terus Tunai Umrah***. 26 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Simpan 10% Saban Bulan***. 26 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. ***Menu Sajian Penuhi Selera***. 27 Ogos 2015.

Harian Metro. Setempat. **Pilih Penginapan Dekat Masjid.** 01 September 2015.

Harian Metro. Minda. **Malaysia Model Perangi Gejala Kemiskinan.** 03 Sept 2015.

Harian Metro. Setempat. **Urus 250 Tan Bagasi.** 04 September 2015.

Harian Metro. Setempat. **Sentiasa Pantau Agensi Pelancongan Swasta**

07 September 2015.

Harian Metro. Setempat. **28 Sukarelawan Terpuji.** 10 September 2015.

Harian Metro. Minda. **Beijing Ikut Cara Tabung Haji.** 14 September 2015.

Harian Metro. Bisnes. **Malaysia Peneraju Kewangan Islam.** 15 September 2015.

<http://www.tabunghaji.gov.my>. Laman Web Lembaga Tabung Haji

<http://www.bimbholdings.com>. Laman Web Bank Islam Holdings Berhad

<http://www.bankislam.com.my>. Laman Web Bank Islam Malaysia Berhad

<http://www.thplantations.my>. Laman Web TH Plantations Berhad

<http://www.takaful-malaysia.com.my>. Laman Web Takaful Malaysia Berhad

<http://www.maiwp.gov.my>. Laman Web Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

<http://www.zakatns.gov.my>. Laman Web Pusat Zakat Negeri Sembilan

<http://www.baitulmalns.gov.my>. Laman Web Baitulmal MAINS

Laporan Tahunan Tabung Haji Dari Tahun 2010 Hingga 2014

Mustafa Haji Daud. 1990. **Pengantar Masyarakat Islam.** Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Nor Mohamed Yakcop. 1996. **Sistem Kewangan Islam : Teori, Amalan dan Prospek Di Malaysia.** Utusan Publications and Distributions Sdn Bhd.

Penyata Kewangan Tahunan Tabung Haji Dari Tahun 2010 Hingga 2014

Surtahman Kastin Hasan. 1995. **Ekonomi Islam : Dasar dan Amalan.** Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Surtahman Kastin Hasan. 1997. **Institusi Kewangan Islam.** Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Surtahman Kastin Hasan. 1997. **DEB dan Hubungannya Dengan Islam.** Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.